

Selasa, Jan 16 2018

Harga minyak kukuhkan ringgit

SH 16/1



Kenaikan harga minyak petrol di pasaran dunia sejak seminggu lalu mendorong nilai mata wang ringgit berada dalam kedudukan yang kukuh.

Begitu juga dengan prestasi eksport yang mencatatkan rekod yang memberangsangkan turut mempengaruhi ringgit di tahap meyakinkan berbanding nilai Dolar Amerika Syarikat (USD).

Menurut pakar ekonomi, Dr Chua Tia Guan adalah tidak munasabah kerajaan campur tangan dalam kenaikan nilai mata wang ringgit ini kerana 'ia perlu membayar dengan harga yang mahal'.

Mengenai faktor PRU yang kemungkinan boleh mempengaruhi nilai ringgit, kata Tia Guan, memandang harga minyak di pasar-

an dunia dan kadar eksport adalah di luar kawalan kerajaan, oleh itu beliau percaya kemungkinan itu adalah kecil.

"Hanya selepas keputusan PRU diketahui, ia akan memberikan kita gambaran yang lebih jelas bagaimana kedudukan nilai ringgit kita pada ketika itu.

"Ini bermakna, peningkatan nilai ringgit hari ini tidak ada kaitan dengan PRU yang dijangka diadakan tidak lama lagi," katanya seperti dipetik dalam *China Press*.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani baru-baru ini mengenai pengukuhan nilai ringgit ketika ini bukan disebabkan campur tangan kerajaan dan demam pilihan raya.

Menurut Tia Guan yang juga Ketua Khidmat Rundingan Cukai dan Kewangan Great Vision Advisory Group, pada tahun lalu, punca nilai ringgit di pasaran agak lemah di-

sebabkan harga minyak mentah di global telah menurun kepada AS\$30 (RM120) setong.

Pada Rabu lalu, harga minyak mentah dinaikkan pada paras melebihi AS\$67 (RM268) setong iaitu paras tertinggi sejak 2015.

Peruntukan wakil rakyat Pas Selangor disekat?

Kerajaan negeri Selangor difahamkan telah menyekat peruntukan tahunan yang disediakan kepada ahli parlimen dan Adun Pas di negeri itu.

Bagaimanapun, Pesuruhjaya Pas Selangor, Sallehen Mukhyi ketika memberitahu *Sin Chew Daily*, beliau sehingga hari ini masih belum menerima sebarang surat pemberitahuan rasmi mengenai perkara tersebut.

"Ada ura-ura menyatakan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali memberi arahan untuk membekukan semua peruntukan tahunan kepada ahli parlimen

dan Adun Pas. Namun setakat apa yang saya tahu, masih tiada sebarang pengumuman rasmi dibuat," katanya.

Menurut Sallehen, Pas Selangor bagaimanapun bersedia dengan keputusan yang dibuat kerajaan negeri Selangor ini.

Ketua Penerangan Pas Selangor Roslan Shahir Mohd Shahir turut mengakui pihak partinya kerap kali menerima layanan yang kurang disenangi.

"Sekiranya benar, inilah kali pertama peruntukan daripada wakil rakyat Pas di Selangor disekat oleh kerajaan negeri. Namun, kami masih tunggu berita ini sama ada benar atau tidak," katanya kepada akhbar itu.

SPRM didakwa amal sikap dwi-standard

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) didakwa melakukan sikap dwi-standard dalam isu projek terowong dasar laut

di Pulau Pinang.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng berkata, siasatan yang dilakukan SPRM ke atas projek terowong dasar laut harus bersifat profesional dan bukan bersandarkan sumber tidak sah.

"Misalnya laporan yang mendakwa kerajaan negeri telah menjual tanah sebanyak RM3 bilion sebagai pendahuluan. Ia adalah fitnah.

"Kenapa SPRM tidak keluaran kenyataan penafian kerana ia boleh menjejaskan siasatan," kata Guan Eng seperti dilaporkan dalam *Oriental Daily*.

Setiasaha Agung DAP itu berkata demikian mengulas sikap berdiam diri SPRM berhubung laporan palsu beberapa akhbar mengenai projek terowong dasar laut di negeri itu.

Guan Eng menegaskan bahawa projek terowong dasar laut itu dilaksanakan melalui tender terbuka.